

# 'Jarak jauh tidak jejas produktiviti'

**Kuala Lumpur:** Tiada kajian membuktikan jarak perjalanan yang jauh antara kediaman seseorang pekerja dengan pejabat akan mengganggu produktiviti mereka ketika menjalankan tugas.

Malah, pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, tiada kaitan ketara antara jarak tempat tinggal dengan produktiviti.

"Ramai bimbang produktiviti seseorang akan menurun jika mengharungi perjalanan jauh ke tempat kerja, tetapi sebenarnya produktiviti bergantung kepada bagaimana kakitangan itu berpuas hati dan bergembira ketika di pejabat.

"Kalau seseorang itu (pekerja) rumahnya betul-betul bersebelahan dengan pejabat, tetapi hati dia tidak senang, setiap pagi selalu rasa tak mahu kerja dan kerap tertekan, produktiviti akan menurun, merudum teruk.

"Bermakna produktiviti



“ Tekanan dan tidak gembira ini boleh berlaku dalam keadaan tertentu seperti kesesakan lalu lintas yang menyebabkan pekerja lambat tiba di pejabat”

*Dr Mohammad Shatar Sabran*

kerja tak boleh dikaitkan dengan jarak rumah, sebaliknya perasaan kakitangan itu sendiri untuk merasai bagaimana gembiranya ketika berada di pejabat, di samping rakan sejawatan dan menjalankan tanggungjawab di beri dengan baik,” katanya.

Bagaimanapun, Dr Mohammad Shatar berkata tidak menolak kemungkinan tempas tekanan akan diperolehi pekerja yang berulang alik pada jarak perjalanan jauh, lebih-lebih lagi sekiranya tersangkut dalam

kesesakan lalu lintas.

“Tekanan dan tidak gembira ini boleh berlaku dalam keadaan tertentu seperti kesesakan lalu lintas yang menyebabkan pekerja lambat tiba di pejabat. Cuma, emosi yang tak stabil itu tidak lama.

“Apabila dia masuk ke pejabat yang suasana kerjanya sangat tenang, selesa dan menyeronokkan,” dengan sendirinya emosi tak mementu tadi hilang begitu saja,” katanya.

Berikutan itu, beliau berkata penting kepada majikan menyediakan persekitaran

kerja yang selesa supaya setiap kakitangan dapat menjalankan tugas dengan tenang, malah secara tidak langsung menaikkan produktiviti syarikat.

Katanya, syarikat perlu menjadikan 'pejabatku syurgaku' berikutan mampu mengambil hati pekerja untuk melipatgandakan usaha mereka.

“Macam rumah juga, kalau selesa, menenangkan dan ada pula ahli keluarga menanti, kita akan selalu ternanti-nanti untuk pulang. Begitu juga pejabat jika persekitarannya selesa mampu menggalakkan pekerja berkhidmat dan tak kisah kerja lebih masa,” katanya.

Mengenai kemungkinan pekerja yang mempunyai kediaman jauh kurang rehat dan mudah penat, Dr Mohammad Shatar memberitahu itu hanyalah permainan psikologi dan boleh diatasi.

Masalah sedemikian, katanya, boleh dirawat dengan majikan yang bertolak ansur dan rakan yang tidak lokek bantuan.